

PKPD Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid Simpang Renggam: Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan

Editor:


Azmi Rohani¹, Ismail Abu², Hasrin Kamal Hashim³, Fauziah Ani⁴

E-mel:

fauziaha@uthm.edu.my⁴

Abstrak: COVID-19 merupakan penyakit berjangkit yang berasal daripada keluarga virus corona, termasuk SARS dan MERS-CoV. Penyakit ini mula dikesan di Wuhan, China pada Disember 2019 dan dikenali sebagai wabak radang paru-paru sebelum dinamakan secara rasmi oleh WHO. COVID-19 menyebabkan jangkitan pernafasan akut dengan gejala seperti demam, batuk, sakit tekak, keletihan, dan sesak nafas. Sejak penularannya, penyakit ini telah memberi impak besar kepada kesihatan awam di seluruh dunia. Buku ini menghuraikan kronologi, simptom serta kesan pandemik terhadap masyarakat secara menyeluruh.

Kata kunci: PKPD, mental, sosial, cabaran, implikasi



PKPD

KG. DATO' IBRAHIM MAJID DAN
BANDAR BARU IBRAHIM MAJID
SIMPANG RENGAM :

*Urus Tadbir, Cabaran
dan Penambahbaikan*



EDITOR:

AZMI ROHANI

ISMAIL ABU

HASRIN KAMAL HASHIM

FAUZIAH ANI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
PEJABAT DAERAH KLUANG

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



**Penerbit
UTHM**



PKPD

**KG. DATO' IBRAHIM MAJID &
BANDAR BARU IBRAHIM MAJID,
SIMPANG RENGAM, JOHOR**

'Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan'



PKPD

**KG. DATO' IBRAHIM MAJID &
BANDAR BARU IBRAHIM MAJID,
SIMPANG RENGAM, JOHOR**

'Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan'

AZMI ROHANI

ISMAIL ABU

HASRIN KAMAL HASHIM

FAUZIAH ANI



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2021

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor dan kerjasama Setiausaha Kerajaan Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pt@uthm.edu.my
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>
Penerbit UTHM adalah anggota Majlis
Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



PENGHARGAAN

**PEJABAT DAERAH KLUANG
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
INSTITUT TRANSFORMASI SOSIAL DAN PEMBANGUNAN WILAYAH
(TRANSFORM), UTHM**

DENGAN KERJASAMA

**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA, NEGERI JOHOR
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM
POLIS DIRAJA MALAYSIA DAERAH KLUANG
KEM MAHKOTA KLUANG
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA DAERAH KLUANG
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR
PEJABAT KESIHATAN DAERAH KLUANG
HOSPITAL ENCHE' BESAR HAJJAH KHALSOM KLUANG
KLINIK KESIHATAN SIMPANG RENGAM
PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH KLUANG
PEJABAT TANAH DAERAH KLUANG
PENDUDUK KG. DATO' IBRAHIM MAJID, SIMPANG RENGAM
PENDUDUK BANDAR BARU IBRAHIM MAJID, SIMPANG RENGAM**



PENGHARGAAN KEPADA PENULIS

Ismail Abu, Yazid Baharudin, Syed Aminuddin Syed Salleh,
Herman Raban, Muhamad Sharul Azmi Md Kamil, Mohd Razi Aziz,
Mohamad Aliff Zaquan Mohamad Hisham, Ahmad Azhar Ab. Hamid

- PEJABAT DAERAH KLUANG -

Fauziah Ani, Rosman Md. Yusoff, Zahrul Akmal Damin, Norizan Rameli,
Amran Harun, Shahidah Hamzah, Adi Shahid, Harliana Halim,
Fadillah Ismail, Khairol Anuar Kamri, Riki Rahman, Noranifitri ,
Mohamad Zaky Mohamad Nor, Mohd Nizam Attan, Lutfan Jaes,
Khairul Azman Mohd. Suhaimy

- UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA -



PRAKATA

SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas berkat rahmat, hidayah dan kurniaNya kepada kita semua sehingga akhirnya selesai penyelidikan dan penulisan Buku Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid: Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan ini. Buku ini merupakan medium bacaan terhasil daripada bicara perkongsian dan himpunan maklumat daripada penduduk kampung dan barisan *frontliners* yang terlibat dalam PKPD di dua (2) buah kampung iaitu Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid.

Saya mengesan bahawa pentingnya peranan pelbagai pihak dalam melaporkan polisi, inisiatif, analisis, perspektif dan perkembangan berita semasa agar kadar kebolehhajangan wabak pandemik COVID-19 sepanjang PKPD dijalankan dapat diuruskan secara sistematik, teratur, terbuka dan mudah difahami semua pihak yang terlibat. Buku ini ditulis dan diterbitkan berdasarkan semua aspek, aspirasi, maklumat, kehendak dan keperluan pelbagai pihak yang terlibat sepanjang PKPD dikuatkuasakan. Tentunya, matlamat utama PKPD ini dijalankan ialah kesejahteraan dan kesihatan penduduk kampung yang terlibat dimana rakyat mestilah terus didekati dan disusuri, difahami dan difahamkan, didengar keluh kesahnya serta dirasai setiap denyut nadinya supaya dapatlah bagi kita memberikan perkhidmatan terbaik untuk mereka tanpa mengira tempat, masa dan rupa.

Akhir kata, hasil kerjasama dan kecekapan jentera Kerajaan serta sokongan daripada badan-badan bukan Kerajaan, barisan hadapan serta penduduk kampung, pelaksanaan PKPD ini dapat dijalankan dengan jayanya. Selain itu, keupayaan pihak Kerajaan dalam mempertahankan ketahanan momentum, keyakinan, infrastruktur dan kemudahan merupakan antara faktor kejayaan pembanterasannya wabak pandemik ini daripada merebak. Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan seterusnya dapat bersama-sama memutuskan rantaian COVID-19 ini.

Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Rohani
Setiausaha Kerajaan Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor



PRAKATA

PEGAWAI DAERAH KLUANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Penyebaran jangkitan koronavirus telah mengubah corak kehidupan manusia serta merencatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan begitu drastik. Pandemik COVID-19 ini juga telah mendatangkan kesan langsung kepada ekosistem perniagaan. Terdapat dua (2) buah kampung di Kluang yang telah terlibat dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) iaitu Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid berikutan peningkatan kes yang mendadak di kedua-dua kampung ini. Justeru, semua maklumat, pengalaman dan pengurusan PKPD yang telah dilaksanakan telah dibukukan untuk dijadikan sebagai medium rujukan dan bahan bacaan untuk semua pihak.

Saya yakin bahawa Buku Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid: Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan ini sangat diperlukan untuk memacu kita ke arah mencapai pentadbiran dan pengurusan serta pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat yang lebih baik. Buku ini memfokuskan dan menerangkan secara terperinci mengenai pengendalian dan pengurusan PKPD serta gambaran situasi sepanjang PKPD dilaksanakan. Oleh itu, buku ini boleh dijadikan sebagai pencetus idea atau pemikiran dalam merencana pelbagai inisiatif bagi meningkatkan produktiviti, kualiti serta motivasi barisan hadapan yang terlibat dalam PKPD yang dilaksanakan.

Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih pada semua pihak yang terlibat atas perkhidmatan, urus tadbir mereka dan usaha yang berterusan sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD khususnya kepada Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Kluang iaitu Mohd Hisam Bin Said, Rafi Bin Abdullah Mohammad Sukry Bin Abd Rahim, Shahril Azizi Bin Abd Gapar, Mohamad Yazid Bin Baharudin, Syed Aminuddin Bin Syed Salleh, Herman Bin Raban, Muhamad Sharul Azmi Bin Md Kamil, Mohd Razi Bin Aziz Mohamad Aliff Zaquan Bin Mohamad Hisham, dan Ahmad Azhar Bin Abd Hamid. Marilah kita bersama-sama membina benteng yang sedia ada bagi memperkukuhkan lagi titik utama dalam mencegah penularan wabak pandemik koronavirus ini.

Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Abu
Pegawai Daerah Kluang
Pejabat Daerah Kluang**

PRAKATA

SETIAUSAHA BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Pejabat Daerah Kluang di atas kejayaan menerbitkan Buku Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid: Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan. Usaha ini amat dihargai kerana ianya merupakan satu inisiatif yang penting untuk meningkatkan penglibatan tenaga kerja barisan hadapan dan kecekapan pengurusan semua pihak yang terlibat. Ia menyediakan satu medium rujukan maklumat dan informasi berkaitan pengalaman sepanjang PKPD dijalankan selaras dengan hasrat Kerajaan persekutuan yang mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan rakyat dalam membanteras penularan wabak pandemik ini.

Kerajaan negeri juga telah menetapkan misi dan seterusnya secara berterusan melaksanakan agenda membangunkan tenaga kerja barisan hadapan yang produktif, cekap, bermaklumat, berdisiplin dan responsif kepada perubahan persekitaran ke arah meningkatkan dan melindungi kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Pelbagai pihak telah terlibat dalam peringkat pengurusan dan pentadbiran PKPD ini bagi memelihara pembangunan rakyat yang menjadi nadi dan penggerak pembentukan negara maju, proaktif dan berinovatif.

Akhir kalam, saya berharap agar buku ini mampu menjadi panduan dan memberi pencerahan dan manfaat kepada semua pembaca dan seterusnya dapat menggalakkan lebih ramai lagi untuk membantu memacu kemakmuran ekonomi dan sosial rakyat dengan mengekang wabak COVID-19 ini. Selamat maju jaya!

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hasrin Kamal Hashim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

PRAKATA PENYELARAS BUKU

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid: Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan dapat disiapkan dalam tempoh masa yang diberi. Penerbitan buku ini adalah selari dengan tumpuan terhadap urus tadbir, cabaran dan penambahbaikan pengurusan PKPD.

Bagi mendepani cabaran penularan wabak pandemik COVID-19 dan memastikan kawasan PKPD sentiasa terpelihara, penyediaan tenaga kerja dan barisan hadapan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi perlu digemblengkan. Hasil perkongsian maklumat dan data daripada pelbagai pihak sepanjang PKPD dijalankan di dua (2) buah kampung ini iaitu Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid, buku ini diterbitkan untuk dijadikan sebagai medium bacaan utama dan membuka lembaran dan idea baharu kepada pengurusan dan penambahbaikan PKPD yang lebih baik pada masa hadapan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (BPSM SUKJ) dan Pejabat Daerah Kluang kerana memberi kepercayaan kepada Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam menyediakan buku ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang turut terlibat dalam penerbitan Buku Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid: Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan ini. Semoga Allah SWT sentiasa meredhai segala usaha yang telah kita lakukan. Amin.

Sekian, terima kasih.

Dr. Fauziah Ani
Penyelaras Buku PKPD Simpang Renggam Johor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ISI KANDUNGAN

Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xvii
Akronim	xxi
 BAB 1	
Pendahuluan	1
 BAB 2	
Urus Tadbir PKPD	19
 BAB 3	
Cabaran dan Implikasi PKPD	57
 BAB 4	
Cabaran dan Implikasi Kesihatan Mental PKPD	85
 BAB 5	
Cabaran dan Implikasi Sosial PKPD	119
 BAB 6	
Cadangan dan Penambahbaikan Urus Tadbir PKPD	131
 BAB 7	
<i>The Untold Story</i>	165
 Rujukan	187
Biografi Editor	195
Indeks	203

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Fasa Awal Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia	6
Jadual 1.2	PKPD di Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid	8
Jadual 1.3	Profil Kampung	10
Jadual 1.4	Kronologi Penularan COVID-19 di Bandar Baru Ibrahim Majid	11
Jadual 1.5	Kes Positif COVID-19 Mengikut Kawasan	14
Jadual 1.6	Kes Positif COVID-19 Mengikut Gender di Bandar Baru Ibrahim Majid	14
Jadual 2.1	Unit IPD Kluang yang Terlibat PKPD	22
Jadual 2.2	Pasukan Sahabat PDRM Kluang yang Terlibat PKPD	23
Jadual 2.3	Pasukan Kesihatan Terlibat di PKPD	27
Jadual 2.4	Bilangan Saringan COVID-19 daripada 28 Mac 2020 - 22 April 2020	29
Jadual 2.5	Jabatan Kerajaan Terlibat PKPD	35
Jadual 2.6	Waktu Penyediaan Makanan	50
Jadual 2.7	Waktu Penyediaan Makanan Pada Bulan Ramadhan	50
Jadual 3.1	Demografi Responden	57
Jadual 3.2	Pendapatan Bulanan Isi Rumah Sebelum dan Selepas PKPD	58

Jadual 3.3	Kesan Pendapatan semasa PKPD	59
Jadual 3.4	Status Pekerjaan Semasa dan Selepas PKPD	61
Jadual 3.5	'Tidak Bekerja dan Sedang Mencari Pekerjaan Baru'	61
Jadual 3.6	Status Perniagaan Selepas PKPD	63
Jadual 3.7	Perniagaan Selepas PKPD	64
Jadual 3.8	'Saya Kerap Membawa Keluarga ke Restoran Makanan Segera'	65
Jadual 3.9	'Saya Makan Sehari Sekali Sahaja kerana Kekangan Kewangan'	66
Jadual 3.10	'Saya Berbelanja secara Atas Talian'	69
Jadual 3.11	'Saya Membuat Dua (2) hingga Tiga (3) Kerja Sehari untuk Menambah Pendapatan'	72
Jadual 3.12	'Saya Bercucuk Tanam untuk Keperluan Makanan dan Menambah Pendapatan'	72
Jadual 2.13	'Saya Tidak Mempunyai Simpanan Kewangan yang Mencukupi'	75
Jadual 3.14:	'Saya Mempunyai Simpanan yang Mencukupi Sekiranya Tempoh PKPD Dilanjutkan'	75
Jadual 3.15	'Moratorium yang Diperkenalkan oleh Kerajaan kerana Penularan COVID-19 Sangat Membantu Saya'	76
Jadual 3.16	'Saya Tidak Mampu Membayar Hutang Bulanan Selepas Moratorium Tamat'	77
Jadual 3.17	'Saya berniaga Atas Talian / dari Rumah untuk Menambah Pendapatan Keluarga'	78
Jadual 3.18	'Saya Membuat Kerja secara Sambilan untuk Menampung Perbelanjaan Harian'	78



Jadual 4.1	Tahap Kesihatan Mental (<i>Depression</i>)	88
Jadual 4.2	Tahap Kesihatan Mental (<i>Anxiety</i>)	89
Jadual 4.3:	Tahap Kesihatan Mental (<i>Stress</i>)	90
Jadual 4.4	Daya Tindak Fokus Masalah	93
Jadual 4.5	Daya Tindak Fokus Emosi	94
Jadual 4.6	Daya Tindak Mengelak	97
Jadual 5.1	Profil Responden	115
Jadual 5.2	Analisis Cabaran Sosial	117
Jadual 5.3	Analisis Cara Menghadapi Cabaran Sosial	120





SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Kes Pertama di Kesan di Wuhan, China	3
Rajah 1.2	Simptom Individu yang Dijangkiti COVID-19	3
Rajah 1.3	Ketua Pengarah WHO Mengistiharkan COVID-19 Sebagai Pandemik	5
Rajah 1.4	Tan Sri Muhyiddin Yassin Berucap Perihal PKP	5
Rajah 1.5	Peta Kawasan Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid	9
Rajah 1.6	Penyataan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah	11
Rajah 1.7	Penyediaan Makanan Asas Untuk Penduduk	12
Rajah 1.8	Pusat Saringan di Sekolah Kebangsaan Dato' Ibrahim Majid	13
Rajah 1.9	Pemeriksaan Keluar Masuk Kenderaan di Simpang Renggam	13
Rajah 1.10	Individu Positif COVID-19 Mengikut Kumpulan Umur di Bandar Baru Ibrahim Majid	15
Rajah 2.1	Keanggotaan Tetap Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD), Kluang	18
Rajah 2.1	Carta Organisasi Bilik Gerakan Operasi	19
Rajah 2.3	Sidang Video Bersama Dato' Ir. Hj. Hasni Bin Hj. Mohamad, Menteri Besar Johor	22
Rajah 2.4	Sekatan Jalan Raya di Kawasan PKPD	25
Rajah 2.5	Organisasi Pasukan Kesihatan Ops Bandar Baru Ibrahim Majid	28



Rajah 2.6	Bilangan Positif COVID-19 Dikesan di Bandar Baru Ibrahim Majid Mengikut Tarikh Sampel	30
Rajah 2.7	Bilik Mesyuarat MDSR	32
Rajah 2.8	Saringan Kesihatan oleh Petugas di Bilik Gerakan	34
Rajah 2.9	Bilik Gerakan PDRM	34
Rajah 2.10	Khemah Dikontaminasi Bilik Gerakan MDSR	34
Rajah 2.11	Dewan Muafakat MDSR	35
Rajah 2.12	Pengurusan Informasi Data	36
Rajah 2.13	Lawatan Kerja Datuk Seri Rina Binti Mohd Harun, Menteri Wanita dan Keluarga pada 28 Mac 2020	36
Rajah 2.14	Lawatan Kerja Datuk Zawawi Bin Adam, Panglima 7 Briged, ATM pada 29 Mac 2020	37
Rajah 2.15	Lawatan Kerja Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bin Bador, Ketua Polis Negara pada 29 Mac 2020	37
Rajah 2.16	Lawatan Kerja Datuk Ayob Khan Mydin Pitchayr, Ketua Polis Johor pada 1 April 2020	37
Rajah 2.17	Lawatan Kerja R. Vidyananthan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kahang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor pada 1 April 2020	38
Rajah 2.18	Lawatan Kerja Kolonel Abd Razak Bin Sipit, Ketua Team UAV Bahagian Siasatan Perisikan Pertahanan, ATM pada 2 April 2020	38
Rajah 2.19	Lawatan Kerja Datuk Onn Hafiz Ghazi, Ahli Dewan Undangan Negeri Layang-Layang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan, Johor pada 05 April 2020	38
Rajah 2.20	Lawatan Kerja Tn. Hj. Ayub Bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor pada 09 April 2020	39



Rajah 2.21	Lawatan Kerja Datuk Mohd Nazir Bin Mami, Panglima Medan Barat Tentera Darat pada 12 April 2020	39
Rajah 2.22	Lawatan Kerja Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj. Ahmad Hasbullah Bin Hj. Mohd Nawawi, Panglima Tentera Darat pada 14 April 2020	39
Rajah 2.23	Lawatan Kerja Datuk Mohd Kamarudin Bin Md Din, Ketua Bahagian Pentadbiran, Ketua Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengurusan Bukit Aman	40
Rajah 2.24	Lawatan Kerja Panglima GAPU Brig Jen Zainal Mohd Noor pada 17 April 2020	40
Rajah 2.25	Pengurusan Bekalan dan Agihan Makanan	41
Rajah 2.26	Proses Operasi Bekalan Makanan	41
Rajah 2.27	Kakitangan JKM Merekod Penerimaan dan Pengeluaran Makanan	42
Rajah 2.28	Pemakaian PPE	44
Rajah 2.29	Khemah Dikontaminasi untuk Anggota yang Bertugas di Zon Kuning	44
Rajah 2.30	Unit Pengurusan Aduan di Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid	45
Rajah 2.31	Jenis Pengurusan Aduan	46
Rajah 2.32	Proses Pengurusan Aduan oleh JKM untuk Tempahan Makanan	47
Rajah 2.33	Proses Pengurusan Aduan Bekalan Tambahan	47
Rajah 2.34	JKM Menguruskan Barangan yang Dibeli oleh MAINJ	48
Rajah 2.35	Penghantaran Gas Memasak	49
Rajah 2.36	Pengurusan Logistik Penyediaan Makanan dan Penginapan	49



Rajah 2.37	Pengurusan Kecemasan	51
Rajah 2.38	Kebakaran di Kawasan Kg. Dato' Ibrahim Majid	51
Rajah 3.1	Aktiviti Ekonomi di Kawasan Bandar Baru Ibrahim Majid	56
Rajah 3.2	Pembangunan Ekonomi di Bandar Baru Ibrahim Majid	64
Rajah 4.1	Saringan Penduduk	85
Rajah 4.2	Piramid Intervensi untuk Sokongan Kesihatan Mental dan Psikososial dalam Kecemasan	86
Rajah 4.3	Infografik Penjagaan Kesihatan Mental	112
Rajah 6.1	Ringkasan Analisis SWOT PKPD di Malaysia	125
Rajah 6.2	Ringkasan Analisis SWOT PKPD di Simpang Renggam	126
Rajah 6.3	Analisis Kekuatan	127
Rajah 6.4	Analisis Kelemahan	133
Rajah 6.5	Analisis Peluang	139
Rajah 6.6	Analisis Cabaran	143
Rajah 7.1	Kawasan di Simpang Renggam Dikawal oleh Pasukan Keselamatan	164
Rajah 7.2	SJR di Kg. Pt. Salam bagi menguatkuasakan PKPD di Bandar Baru Ibrahim Majid	168
Rajah 7.3	Tempoh Bertenang Seminggu di Simpang Renggam	174



AKRONIM

ACD	Pengesanan Kes Aktif
APM	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
COVID-19	<i>Corona Virus Disease 2019</i>
HEBHK	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom
IKWAS	INTAN Kampus Wilayah Selatan
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JKKD	Jawatankuasa Keselamatan Daerah
JKKN	Jawatankuasa Keselamatan Negeri
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKSR	Klinik Kesihatan Simpang Renggam
KMT	Kit Makanan Tambahan
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
MAINJ	Majlis Agama Islam Negeri Johor
MDSR	Majlis Daerah Simpang Renggam
MERS-CoV	<i>Middle East Respiratory Syndrome - Related Coronavirus</i>
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MPK	Majlis Daerah Kluang
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PFA	<i>Psychosocial First Aid</i>
PGA	Pasukan Gerakan Am
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPD	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan
PPE	<i>Personal Protection Equipment</i>
PUI	<i>Person Under Investigate</i>
PUS	<i>Person Under Surveillance</i>
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
SARS	<i>Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus</i>
SJR	Sekatan Jalan Raya
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SUKJ	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
WHO	<i>World Health Organization</i>
YDP	Yang Dipertua Majlis






BAB SATU PENDAHULUAN







1.1 PENGENALAN



Corona Virus Disease 2019 atau singkatannya COVID-19 berasal daripada galuran virus corona viridae. Antara virus *corona viridae* lain yang tergolong dalam kumpulan ini adalah *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory Syndrome - Related Coronavirus* (MERS-CoV). COVID-19 ini boleh ditakrifkan sebagai demam atau jangkitan pernafasan akut kritikal yang berlaku secara tiba-tiba dengan tanda-tanda sakit tekak, batuk dan sesak nafas (Ministry of Health Malaysia, 2020).

Kronologi kes COVID-19 mula dikesan pada pertengahan Disember 2019 apabila seramai 27 orang dimasukkan ke Hospital Wuhan dalam wilayah Hubei, China (**Rajah 1.1**) (World Economic Forum, 2020). Hasil laporan pihak hospital pada 31 Disember 2019 mendapati bahawa kejadian ini di dianogsis sebagai radang paru-paru yang tidak diketahui punca jangkitannya. Saintis daripada negara China mengenal pasti penyakit ini sebagai novel coronavirus iaitu sejenis coronavirus baharu sebelum ia dinamakan COVID-19 oleh *World Health Organization* (WHO) pada 12 Januari 2020 (Ketua Pengarah Kesihatan, 2020).

New York City Health (2020) menjelaskan COVID-19 mampu membawa gejala seperti demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas kepada individu yang positif. Sementara menurut *Ministry of Health Hong Kong* (2020), simptom bagi individu yang dijangkiti COVID-19 ialah demam, batuk yang kering, sakit badan, penat dan lesu serta mengalami masalah pernafasan (**Rajah 1.2**). Kritikal daripada hal ini, seseorang individu positif boleh menghadapi radang paru-paru dan boleh membawa kematian (Financial Times, 2020). Menurut Mark et. al (2020), COVID-19





BAB BUA


URUS TADBIR PKPD





2.1 JAWATANKUASA KESELAMATAN DAERAH

Pengurusan untuk memutuskan rantaian, mengurangkan kes dan menghapuskan pandemik COVID-19 di peringkat negara diuruskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Di peringkat tempatan pula, tanggungjawab ini dilaksanakan oleh Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD) yang diketuai oleh Pegawai Daerah. Bagi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid, JKKD adalah diketuai oleh Tuan Haji Ismail Bin Abu yang merupakan Jawatankuasa yang diketuai oleh Pegawai Daerah Kluang ini berfungsi untuk membantu MKN Negeri Johor dalam memberi maklum balas terhadap isu dan permasalahan berhubung pandemik COVID-19 di peringkat daerah. Maklum balas dan cadangan di peringkat daerah kemudiannya dibawa kepada Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) yang dipengerusikan oleh Menteri Besar sebelum dimajukan ke peringkat persekutuan. Ahli-ahli dalam jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai lain yang dikehendaki oleh Pengerusi JKKD selaras dengan Arahan No. 1 Pengurusan Keselamatan Negara, MKN sebagaimana **Rajah 2.1**.



Sumber: Jawatankuasa Keselamatan Daerah Kluang (2020)

Rajah 2.1: Keanggotaan Tetap Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD), Kluang

Kelancaran urus tadbir PKPD di Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid amat bergantung kepada strategi yang dirancang oleh JKKD. Oleh itu, Tn. Hj. Ismail Bin Abu sebagai pengerusi JKKD telah mengarahkan supaya Bilik Gerakan Operasi bagi tujuan PKPD di Simpang Renggam dibuka sebagaimana carta organisasi dalam **Rajah 2.2**. Matlamat pembukaan Bilik Gerakan Operasi ini diwujudkan bagi memudahkan urus tadbir mengikut sektor iaitu (i) Pengurusan Keselamatan, (ii) Pengurusan Kesihatan, dan (iii) Pengurusan Bilik Gerakan Operasi yang dianggotai oleh semua jabatan yang terdapat dalam daerah Kluang.



BAB TIGA

CABARAN DAN IMPLIKASI EKONOMI PKPD





3.1 PENGENALAN

PKPD telah memberi kesan kepada pelbagai aspek kehidupan masyarakat seperti kesihatan mental, sosial dan ekonomi. Dalam aspek ekonomi, sektor pekerjaan merupakan antara sektor yang terjejas dengan kenaikan kadar pengangguran pada suku pertama iaitu 3.9 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Berdasarkan data tersebut, jumlah pengangguran telah meningkat kepada 610 ribu orang (17.1%) berbanding 521 ribu orang pada bulan yang sama tahun 2019. Hal ini kerana, impak negatif PKP dan PKPD yang telah dilaksanakan terhadap pasaran buruh. Dapatan ini telah disokong melalui temubual yang telah dijalankan dimana seorang responden yang merupakan seorang pesara guru dan bekas pesakit COVID-19 menyatakan bahawa;

"...pada waktu PKPD itu, memang betul-betul terkurung di rumah. Sepanjang PKPD, pihak KKM akan round satu (1) kampung dalam pukul 10 pagi bagi memastikan tiada sesiapa berada di luar rumah. Memang tiada kebebasan..."

Responden 4

Selain itu, data tinjauan yang dilaksanakan oleh firma penyelidikan pasaran (IPSOS) mendapati bahawa 62 peratus rakyat Malaysia mencatatkan kebimbangan terhadap COVID-19 kerana mereka tidak boleh membuat sebarang bentuk aktiviti luar termasuklah bekerja (Laporan IPSOS, 2020). Ramai pekerja telah diarahkan mengambil cuti tanpa gaji selama beberapa bulan, dipotong gaji antara 20 hingga 50 peratus, malahan terdapat pekerja berhadapan masalah ketidakpastian dalam pekerjaan apabila syarikat menghentikan operasi mereka (Sinar Harian, 2020). Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan program PENJANA KERJAYA merupakan antara inisiatif Kerajaan dalam membantu masyarakat yang terjejas dalam aspek ekonomi.

3.2 EKONOMI PENDUDUK SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS PKPD

Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid merupakan lokasi pertama yang terlibat dengan PKPD. PKPD ini telah memberi impak yang besar kepada penduduk kerana segala aktiviti ekonomi mereka perlu direhatkan sementara waktu. *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ketat telah menghalang semua



BAB EMPAT

CABARAN DAN IMPLIKASI KESIHATAN MENTAL PKPD







4.1 PENGENALAN

Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia mencetuskan masalah kesihatan mental dimana hal ini membawa kepada kegelisahan, ketakutan dan kemurungan yang berterusan kepada sejumlah besar populasi penduduk dunia. Perubahan hidup secara drastik seperti penjarakan fizikal, perintah sekatan pergerakan dan pengasingan mempengaruhi kesejahteraan emosi mereka. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menekankan bahawa tekanan kewangan, kehilangan mata pencarian dan pengangguran cenderung memberi kesan psikologi kepada semua. Kedudukan ekonomi yang membimbangkan, ketakutan mendapat jangkitan, kadar jangkitan yang semakin tinggi saban hari serta kehilangan kerja merupakan antara faktor yang menyumbang kepada masalah kesihatan mental secara global. Kerisauan yang melampau itu membawa kepada tekanan mental yang seterusnya memberi kesan negatif kepada kehidupan seharian.

Laporan PBB juga mendapati bahawa terdapat peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan petugas barisan hadapan disebabkan bekerja di bawah tekanan yang luar biasa secara berterusan tanpa mendapat rehat yang mencukupi. Kajian Zandifar, A. dan Badrfam, R., (2020) di Iran menunjukkan jumlah tekanan mental semakin bertambah yang mana rata-ratanya adalah disebabkan penularan wabak ini. Di Kanada juga menunjukkan hampir separuh petugas barisan hadapan terutamanya petugas kesihatan memerlukan sokongan psikologi (Canadian Mental Health Association, 2020). Selain itu, golongan wanita dan kanak-kanak juga berhadapan dengan cabaran psikologi. Contohnya, disebabkan perintah sekatan pergerakan, kanak-kanak dihalang ke sekolah yang mana timbulnya kegelisahan dan ketidakpastian dalam proses pembelajaran manakala kes keganasan rumah tangga juga meningkat berikutan ramai yang terkurung di rumah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Golongan yang mudah terdedah dengan wabak COVID-19 seperti warga emas dan golongan yang mempunyai sejarah penyakit kronik juga berdepan tekanan psikologi dan emosi kerana mereka berisiko untuk dijangkiti wabak ini. Langkah penjagaan yang lebih ketat dan teliti diperlukan bagi golongan ini agar jangkitan wabak COVID-19 ini dapat dielakkan.

Malaysia juga merupakan antara negara yang menunjukkan peningkatan kes tekanan psikologi dan mental selepas pandemik berlaku. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima 8,380 panggilan telefon berkaitan kes kesihatan mental akibat penularan wabak COVID-19. Hal ini kerana penularan virus ini membawa pelbagai impak dalam kehidupan harian masyarakat. Antara





BAB LIMA

CABARAN DAN IMPLIKASI SOSIAL PKPD







5.1 PENGENALAN

Impak daripada pandemik COVID-19 bukan sahaja tertumpu kepada ekonomi negara malahan ia juga memberi kesan kepada aspek sosial penduduk. Penduduk akan mengalami perubahan gaya hidup harian berbanding kehidupan sebelumnya seperti pekerjaan yang boleh menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, aktiviti keagamaan dan hubungan sosial. Oleh yang demikian, sebagai langkah berjaga-jaga, pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk semua negeri di Malaysia bagi tempoh 18 hingga 31 Mac 2020 dengan mengambil kira 14 hari tempoh inkubasi virus COVID-19. PKP yang dilaksanakan ini akan memberi kesan kepada 33.8 juta penduduk di Malaysia yang terdiri daripada 76.6 peratus tinggal di bandar dan 23.4 peratus di luar bandar.

Namun, bermula daripada 27 Mac 2020, beberapa kawasan tertentu di Malaysia tertakluk “Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)” selama 14 hari. PKPD ini perlu dilaksanakan apabila terdapat kumpulan besar di sesuatu kawasan telah dijangkiti virus COVID-19. Kawalan ini diperketatkan bagi memudahkan pihak Kerajaan untuk menjalankan saringan ujian COVID-19 dengan teliti terhadap penduduk di kawasan itu secara menyeluruh selain membendung pandemik ini daripada merebak ke luar kawasan PKPD tersebut. Oleh yang demikian, Kg. Dato’ Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid Simpang Renggam, Johor telah tertakluk kepada PKPD sehingga 9 April 2020 kerana kawasan ini dilaporkan menyumbang kepada 183 kes. Pelaksanaan PKP dan PKPD ini memberi impak mendalam kepada semua pihak. Hampir tiada yang terkecuali, daripada kepimpinan tertinggi negara hingga ke rakyat marhaen.

5.2 KAJIAN DAN CABARAN SOSIAL SEMASA PKPD

Kajian ini dijalankan secara tinjauan bagi mengenal pasti kesan serta cabaran sosial terhadap 150 penduduk Kg. Dato’ Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid, Simpang Renggam, Johor sepanjang tempoh Pergerakan Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Bagi mengumpul data kajian secara kuantitatif, penyelidik telah mengedarkan set soal selidik serta menjalankan sesi temubual bersama beberapa orang responden bagi pengumpulan data secara kualitatif.





BAB ENAM

CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN URUS TADBIR PKPD







6.1 PENGENALAN

Dua (2) kawasan penduduk di Simpang Renggam, Johor iaitu Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid merupakan dua (2) lokasi utama pertama di Malaysia yang telah dikenakan PKPD kerana bilangan penduduk yang terkena jangkitan pandemik COVID-19 pada ketika itu adalah tinggi. Tindakan itu telah diambil apabila daerah Kluang telah mencatatkan jumlah penduduk positif COVID-19 yang tinggi iaitu seramai 83 kes positif COVID-19. Daripada jumlah tersebut, 61 kes positif adalah daripada Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid. Perintah PKPD ini dijalankan bermula 26 Mac 2020 sehingga 9 April 2020 melibatkan 3,570 orang penduduk tempatan yang terdiri daripada 650 buah keluarga. Tujuan PKPD ini dijalankan adalah untuk membendung virus COVID-19 ini menular keluar daripada dua (2) kawasan yang telah disebutkan di atas.

Untuk melihat sejauh mana kesan pandemik virus COVID-19 ini memberikan kesan kepada negara amnya dan kepada kawasan Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid khususnya, kajian ini menggunakan analisis SWOT. Kajian ini mengemukakan analisis sistematik (Analisis SWOT) untuk mengulas secara terperinci mengenai kelebihan, kekurangan, peluang dan cabaran yang berkaitan dengan virus COVID-19 ini. Perbincangan akan ditumpukan kepada kelebihan, kekurangan, peluang dan cabaran di peringkat negara Malaysia (**Rajah 6.1**) dan juga di peringkat dua (2) lokasi utama iaitu Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid (**Rajah 6.2**)

Maklumat di peringkat negara diperoleh dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu yang membincangkan berkenaan virus pandemik COVID-19. Manakala, maklumat di peringkat Kg. Dato' Ibrahim Majid diperolehi berdasarkan Laporan Perbincangan Meja Bulat yang diadakan pada 12 Oktober 2020. Antara agensi yang terlibat ialah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pakar Epidemiologi daripada Pusat Kesihatan, Wakil Badan Bukan Kerajaan dan Bekas Pesakit Positif COVID-19, Ketua Kampung Ibrahim Majid, Polis Diraja Malaysia (PDRM), RELA, dan Pegawai Daerah Kluang.





BAB TUJUH

*THE UNTOLD
STORY*







7.1 PENGENALAN

Pada waktu PKP diperkenalkan dalam negara, ketua keluarga masih dibenarkan keluar rumah untuk membeli barang keperluan harian di kedai runcit ataupun pasaraya, ke kedai farmasi untuk membeli ubat, mengisi minyak di stesen minyak atau mengambil wang di mesin *Automated Teller Machine* (ATM). Sedangkan pada waktu PKPD dilaksanakan di Kg. Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baru Ibrahim Majid, setiap orang dikehendaki duduk di dalam rumah dan tidak dibenarkan keluar walaupun untuk membeli keperluan asas. Sebarang pergerakan penduduk untuk keluar dan masuk ke dalam kawasan PKPD adalah dilarang sama sekali. Hal ini bertujuan untuk membendung jangkitan COVID-19 daripada menular keluar dari kawasan tersebut. Langkah ini juga membolehkan aktiviti pengesanan kes dari rumah ke rumah dilaksanakan sepanjang tempoh yang telah ditetapkan. Radius bagi kawalan pergerakan ini dimuktamadkan dengan SJR yang melibatkan 15 kilometer (Bilik Gerakan Operasi PKPD, 2020).

Perkara ini telah menyebabkan kesukaran bagi pihak penduduk dalam menjalani kehidupan seharian seperti biasanya meskipun Kerajaan menyediakan semua keperluan harian. Mereka seolah-olah terkongkong dan terpenjara di dalam rumah sendiri. Perasaan sedih, bimbang, takut dan bahagia bercampur menjadi satu. Bab ini akan mengisahkan peristiwa-peristiwa di sebalik tabir kejayaan pelaksanaan PKPD yang pertama kali dilaksanakan di Malaysia. Oleh itu, temu bual seramai tujuh (7) orang responden yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PKPD ini telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat terpendam. Temu bual bagi tujuan pengumpulan data ini melibatkan petugas barisan hadapan, bekas pesakit COVID-19 dan penduduk kampung yang negatif COVID-19. Temu bual dijalankan pada 11 September 2020 dan 12 Oktober 2020 secara *Round Table Discussion* (RTD) serta reka bentuk temu bual yang dilaksanakan adalah *semi-structured interview*.

7.2 BARISAN HADAPAN PKPD

7.2.1 Rasa Khuatir dan Bimbang

Perasaan takut dan bimbang semestinya wujud apabila seseorang berdepan dengan satu masalah atau cabaran hidup, lebih-lebih lagi jika ia melibatkan nyawa. Walau bagaimanapun, bagi **Responden 2**, ia tidak seperti yang disangkakan ramai orang. Beliau tidak takut dan bimbang dalam menjalankan tugasnya sebagai salah seorang





RUJUKAN

- Adger, W. N. (2006). Vulnerability. *Global Environmental Change*, 16(3), 268e281
- Anuar, A., Sadek, D. M., Mamat, R. C., & Campus, P. A. (2020). Preparing Small and Medium Enterprise Businesses for Post-Covid-19: Lean Management Approach. *Fbm Insights*, 7.
- Bahaudin, N. H. 2020. Beli-belah secara 'Online' Rancak ketika PKP. Dicapai pada 13 Oktober 2020 daripada Berita Harian Metro <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558385/beli-belah-secara-onlinerancak-ketika-pkp>
- Berita Harian Online, 26 Mac 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669627/covid-19-3570-penduduk-simpang-renggam-diperintah-berkurung-dalam>
- Berita Harian, 27 April 2020, PKPD Simpang Renggam Tamat Esok, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/682242/pkpd-simpang-renggam-tamat-esok>
- Bernama, Harap PKPD di Simpang Renggam yang Pertama dan Terakhir – Penduduk, 29 April 2020, https://bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1836860
- BH Online, 27 Mac 2020, COVID-19: Kerajaan Tanggung Keperluan Makanan di Lokasi PKPD <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669860/covid-19-Kerajaan-tanggung-keperluan-makanan-di-lokasi-pkpd>
- BH Online, 28 Mac 2020, 3,000 Pek Makanan Asas Dihantar untuk Penduduk, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670440/3000-pek-makanan-asas-dihantar-untuk-penduduk>
- BH Online, 28 Mac 2020, COVID-19: 1,044 Keluarga PKPD Simpang Renggam Terima Bekalan, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670291/covid-19-1044-keluarga-pkpd-simpang-renggam-terima-bekalan>
- Bilik Gerakan Operasi PKPD Dewan MDSR, Simpang Renggam. 2020. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Kg. Dato' Ibrahim Majid & Bandar Baru Ibrahim Majid, Simpang Renggam. Simpang Renggam.



- Cannon, T. (1994). Vulnerability analysis and the explanation of 'natural' disasters. In A.Varley (Ed.), Disasters, development and environment(pp.14e30). NewYork: J.Wiley
- Cascella, M., Rajnik, M., Cuomo, A., Dulebohn, S. C., & Di Napoli, R. (2020). Features, evaluation and treatment coronavirus (COVID-19). In Statpearls [internet]. StatPearls Publishing.
- Cohen S, Wills TA. (1985). Stress, Social Support, and The Buffering Hypothesis. Psychol Bull. 1985;98:310–357.
- COVID-19 Cetus Krisis Kesihatan Mental Global – PBB (2020, Mei 14). <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/05/688677/COVID-19-cetus-krisis-kesihatan-mental-global-pbb>
- Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Kesihatan. 5 Julai 2020, <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/10157197237606237>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2020). Pandemik. Diambil daripada prpm.dbp.gov. my.
- Dirkzwager AJE, Bramsen I, Henk M, Ploeg VD. (2003). Social Support, Coping, Life Events, and Posttraumatic Stress Symptoms among Former Peacekeepers: A Perspective Study. Pers Individ Dif. 2003;34:1545–1559.
- Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid (2020). Pandemik COVID-19: Mendepani Impak Psikososial. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).
- Endler, N. S., and Parker, J. D. A. (1999). Coping Inventory for Stressful Situations
- Fabeil, N. F., Pazim, K. H., & Langgat, J. (2020). The Impact of Covid-19 Pandemic Crisis on Micro-Enterprises: Entrepreneurs' Perspective on Business Continuity and Recovery Strategy. Journal of Economics and Business, 3(2).
- Final Kenyataan Media Talian Kasih 15999 mewujudkan Talian Khas Kaunseling COVID-19 (2020), Mac 26). Didapatkan dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat:<https://www.pkwm.gov.my/kpwm/uploads/files/KenyataanMedia/2020/Final%20Kenyataan%20Media%20Talian%20Kasih%2015999%20mewujudkan%20Talian%20Khas%20Kaunseling%20COVID-19.pdf>
- Financial Times. (2020). How dangerous is the coronavirus and how does it spread. Diambil daripada <http://www.ft.com/content/ed3bf63e-41ce-11ea-bdb5-169ba7be433d>.



- Folkman, S., and Lazarus, R. S. (1988). Coping As A Mediator of Emotion. *J. Pers. Soc. Psychol.* 54, 466–475. doi: 10.1037/0022-3514.54.3.466
- Gol, A. R., and Cook, S. W. (2004). Exploring The Underlying Dimensions of Coping: A Concept Mapping Approach. *J. Soc. Clin. Psychol.* 23, 155–171. doi: 10.1521/jscp.23.2.155.31021
- Gotlib, I.H., & Hammen C. (1992). *Psychological Aspects of Depression: Toward An Interpersonal Integration*. Chichester: Wiley.
- Harian Metro, 10 April 2020, 138 Kes Positif COVID-19 Bandar Baru Ibrahim Majid dan Kg. Dato' Ibrahim Majid, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564959/138-kes-positif-covid-19-bandar-baharu-dato-ibrahim-majid-metrotv>
- Harian Metro. (2020, tarikh). Kawalan ketat di pintu masuk keluar Simpang Renggam, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/559102/kawalan-ketat-di-pintu-masuk-keluar-simpang-renggam>. Diakses pada 14 November 2020.
- Inter Agency Standing Committee. (2020). *Addressing Mental Health and Psychosocial Aspects of COVID-19 Outbreak*.
- Jawatankuasa Keselamatan Daerah Kluang. (2020). *Laporan Bilik Gerakan Operasi PKPD Dewan MDSR. Simpang Renggam: MDSR*.
- Johorkini, 'Tempoh bertenang' Seminggu di Simpang Renggam, 28 April 2020 <https://www.johorkini.my/tempoh-bertenang-seminggu-di-simpang-renggam/>
- Kamaruddin, M. I. H., Ahmad, A., Husain, M. A., & Abd Hamid, S. N. (2020). *Graduate Employability Post-COVID-19: The case of a Malaysian public university. Higher Education, Skills and Work-Based Learning*.
- Katsabian, T. (2020). *The Telework Virus: How the COVID-19 Pandemic Has Affected Telework and Exposed Its Implications for Privacy and Equality*. Available at SSRN 3684702.
- Kawasan Rukun Tetangga Bandar Baru Ibrahim Majid. (2020). *COVID-19: BBIM "lockdown"*. Simpang Renggam: Kawasan Rukun Tetangga Bandar Baru Ibrahim Majid.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). 2020. Apa itu COVID-19? Dicapai pada 10 Jun 2020 menerusi https://www.infosihat.gov.my/images/media_sihat/infografik/jpeg/ncov%20pink01.jpg



- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). 2020. Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia 10 Mei 2020. Dicapai pada 10 Oktober 2020 menerusi https://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/attach_download/337/1553
- Kementerian Kesihatan Malaysia, 27 Mac 2020 <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/74-kes-positif-covid-19-di-dua-kawasan-di-simpang-renggam-setakat-12pm-hari-ini-/10156870168286237/>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Buku Kesihatan Mental dan Fizikal. Putrajaya.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). COVID-19 Mental Health Kit in Hospital Setting and Quarantine Centre. Putrajaya.
- Ketua Pengarah Kesihatan. (2020). Kesiapsiagaan dan respons KKM dalam menghadapi potensi penularan novel coronavirus Wuhan, China. Diambil daripada <http://kpkkesihatan.com/> 2020/01/16/kenyataan-akhbar-kpk-16-januari-2020.
- Krzysztof Stanisławski. The Coping Circumplex Model: An Integrative Model of the Structure of Coping with Stress. Hypothesis and Theory published: 16 April 2019 Doi: 10.3389/fpsyg.2019.00694
- Kuriakose, S. (7 May 2020). Reopening Malaysia's economy in a new normal. East Asia & Pacific on the Rise in World Bank Blogs. <https://blogs.worldbank.org/eastasiapacific/reopening-malaysias-economy-%20%20%20new-normal>
- Layout Buku Kesihatan Mental dan Fizikal (2020). Didapatkan dari Kementerian Kesihatan Malaysia: <https://www.moh.gov.my/>
- Lazarus, R. S. (1996). The Role of Coping In The Emotions and How Coping Changes Over The Life Course. Handbook of Emotion, Adult Development, and Aging, eds C.
- Lazarus, R. S., and Folkman, S. (1984). Stress, Appraisal and Coping. New York, NY: Springer.
- Lendal, K (1997). "Management by Menu." London: Wiley and Son Inco
- Liley Afzani Saidi, Norsuraya Hassan dan Nur Azmina Paslan (2016). Emosi dan Stress di Tempat Kerja. Ms 4-5. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

- Mahomed, A. S. 2020. Apa Peluang Pekerjaan Rakyat Malaysia Pasca COVID-19? Dicapai pada 8 Oktober 2020 daripada Berita Astro Awani <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/apa-peluang-pekerjaan-rakyat-malaysiapasca-covid-19-240405>
- Malaysia, Jabatan Perangkaan. (2020). Statistik Utama Tenaga Buruh Suku Pertama (S1) 2020. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan
- Maletesta-Magni and S. H. McFadden (New York, NY: Academic Press), 289–306.
- Mark, D. V., David, M. B., Jennifer, B. D., Ilya, K., & Melinda, C. M. (2020). Mapping hospital demand: Demographics, spatial variation and the risk of hospital deserts during COVID-19 in England and Wales. Diambil daripada http://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%/covid.
- McKibbin, W., & Fernando, R. (2020). The global macroeconomics impacts of COVID-19. CAMA Working Paper 19/2020, 1-43.
- Mental Health and Psychosocial Support in COVID-19 (2020, 24 March). Guidelines COVID-19 Management No.5/2020
- Mental Health in Canada: COVID-19 and Beyond CMHA Policy Advice (July 2020). Canadian Mental Health Association.
- Ministry of Health Hong Kong. (2020). Covid-19. Diambil daripada <http://www.coronavirus.gov.hk/eng/covid19.html>.
- Ministry of Health Malaysia. (2020). Case definition of Covid-19. Diambil daripada <http://www.moh.gov.my/resource/Penerbitan/GarispuanduanKesihatanDefinitionCOVID-19>.
- Mohd Fauzi, M. F., Mohd Yusoff, H., Muhamad Robat, R., Mat Saruan, N. A., Ismail, K. I., & Mohd Haris, A. F. (2020). Doctors' Mental Health in the Midst of COVID-19 Pandemic: The Roles of Work Demands and Recovery Experiences. *International journal of environmental research and public health*, 17(19), 7340.
- Monat, A., & Lazarus, R.S. (1985). Stress and Coping: Some Current Issues and Controversies. In A.Monat & R. S.Lazarus (Eds.), *Stress and coping: An anthology* (2nd ed., (pp. 1–12). New York: Columbia University Press.
- MStar. 2020. Penduduk Simpang Renggam Mohon Doa dan Sokongan Ramai, Bukan Kecaman. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/03/31/penduduk-kluang-mohon-doa>, 31 Mac 2020. Diakses pada 14 November 2020.

- Muhaymin Hakim Abdullah & Khairunesa Isa. (2020). Implikasi PKP akibat pandemik COVID-19 memberi impak positif terhadap pemuliharaan alam sekitar. Dlm. Shahidah Hamzah, Khairunesa Isa & Fauziah Ani, *Pandemik COVID-19: Kelansungan dalam melestarikan kualiti hidup*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Muhyiddin Yassin. (2020). Situasi semasa jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia.
- New York City Health. (2020). Symtoms, chronic health risks. Diambil daripada <http://www1.nyc.gov/site/doh/covid/covid-19>.
- Noh, M. F (2020). COVID-19: 8 Positif Kluster Baharu di Johor. *Berita Harian*, 29 Oktober 2020. Dicapai pada 02 November 2020 menerusi <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/10/747574/covid-19-8-positif-kluster-baharu-di-johor>
- Parkes dan Prigerson (2013). *Bereavement: Studies of Grief In Adult Life*. Routledge.
- Pengarang (2020, 5 Mei). Bendung pengangguran akibat wabak COVID-19. *Sinar Harian*. Dicapai pada 6 Jun 2020 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/82004/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Bendung-pengangguran-akibat-wabak-COVID-19>
- PSOS Survey (2020, June 5). What worries the world: Coronavirus Concern Rebounds. Capaian pada 10 Oktober 2020 dari <https://www.ipsos.com/en-my/what-worries-world-coronavirus-concern-rebounds>
- Shahidah Hamzah & Noranifitri Md Noor. (2020). Covid-19: Impak terhadap kualiti hidup dalam aspek pendapatan. Dlm. Shahidah Hamzah, Khairunesa Isa & Fauziah Ani, *Pandemik COVID-19: Kelansungan dalam melestarikan kualiti hidup*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Skinner, E. A., Edge, K., Altman, J., and Sherwood, H. (2003). Searching for The Structure of Coping: A Review and Critique of Category Systems for Classifying Ways of Coping. *Psychol. Bull.* 129, 216–269. doi: 10.1037/0033-2909.129.2.216
- Swiatek, M.A. (2001). Social Coping among Gifted High School Students and Its Relationship to Self-Concept. *Journal of Youth and Adolescence*, 30, 19-39.
- Twigg, J. (2004). *Disaster risk reduction: Mitigation and preparedness in development and emergency programming*. London: Humanitarian Practice Network (HPN).



- Vinberg M, Froekjaer VG, Kessing LV. (2010). Coping Styles In Healthy Individuals At Risk of Affective Disorder. *J Nerv Ment Dis.* 198:39–44.
- Votta, E., & Manion, I. G. (2003). Factors In The Psychological Adjustment of Homeless Adolescent Males: The Role of Coping Style. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 42, 778–785.
- Walker, P., Whittaker, C., Watson, O., Baguelin, M., Ainslie, K., Bhatia, S., ... & Cucunuba Perez, Z. (2020). Report 12: The Global Impact of COVID-19 and Strategies for Mitigation and Suppression.
- Wisner, B., Blaikie, P., Cannon, T., & Davis, I. (2004). *At risk* (2nd ed.). Oxon: Routledge
- World Economic Forum. (2020). Coronavirus origins. Diambil daripada <http://www.weforum.org/agenda2020/03/coronavirus-origins>.
- World Health Organisation (2019). Coronavirus disease (COVID-2019) situation reports. Atas Talian. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/situation-reports/> (1 Jun 2020).
- World Health Organization. (2020). Mental Health and Psychosocial Considerations during The COVID-19 Outbreak. WHO/2019-nCoV/MentalHealth/2020.1
- Zandifar, A., & Badrfam, R. (2020). Iranian Mental Health during The COVID-19 Epidemic. *Asian journal of psychiatry*, 51, 101990. <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2020.101990>





BIO GRAFI





BIOGRAFI EDITOR

Azmi bin Rohani dilahirkan pada tanggal 16 April 1966 di Kesang, Muar (Kini Daerah Tangkak). Beliau berkelulusan Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan (Ekonomi & Pengurusan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang Pegawai Tadbir Negeri Johor atau lebih dikenali sebagai *Johor Civil Servant* (JCS) pada 1 Mac 1992 dan ditempatkan di Pejabat Daerah Muar sebagai Penolong Pegawai Daerah. Kemudian, beliau ditempatkan di beberapa jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Landskap Negeri Johor dan Pentadbiran Tanah Negeri Johor. Beliau banyak menimba pengalaman perkhidmatan di dalam Pentadbiran Tanah. Pada tanggal 1 Januari 2017, Dato' Haji Azmi bin Rohani telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Johor yang baharu. Sebelum dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Johor, beliau merupakan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor.

BIOGRAFI EDITOR

Ismail Abu merupakan graduan sarjana muda dalam bidang ekonomi daripada Universiti Utara Malaysia. Beliau berasal daripada Simpang Renggam, Johor. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam kerjaya sebagai pentadbir awam negeri Johor dan telah berkhidmat di pelbagai daerah di negeri Johor. Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pentadbir Tanah/Pegawai Tadbir di Pejabat Tanah Batu Pahat pada tahun 1997. Kemudian, beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Pentadbir Tanah/Pegawai Tadbir di Pejabat Tanah Muar pada tahun 2004 dan Pejabat Tanah Mersing pada tahun 2005.



Setelah hampir tujuh tahun menyumbang bakti di Pejabat Tanah, beliau meneruskan khidmat bakti di Majlis Perbandaran Kulai pada tahun 2007 sebagai Setiausaha/Pegawai Tadbir dan beliau telah dilantik sebagai Yang DiPertua Majlis Daerah Segamat pada tahun 2011. Pada tahun 2014, beliau kembali berkhidmat di daerah kelahiran beliau iaitu Kluang sebagai Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Kluang dan pada tahun 2015 beliau telah menjadi Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kluang. Khidmat bakti beliau kemudiannya diperlukan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sebagai Setiausaha Bahagian bermula pada tahun 2017. Beliau kembali berkhidmat di Kluang sebagai Pegawai Daerah Kluang pada tahun Julai 2018 dan bermula pada 1 Februari 2021, beliau telah ditugaskan untuk menjadi Pegawai Daerah di daerah Batu Pahat. Jasa dan bakti beliau sebagai pentadbir awam telah menyumbang kepada pembangunan negeri Johor.



BIOGRAFI EDITOR

Hasrin Kamal Hashim dilahirkan di Mersing, Johor pada tahun 1972. Beliau mendapat pendidikan di peringkat awal dan menengah di Sekolah Kebangsaan Tenglu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam bidang Ekonomi (Sarjana Muda Ekonomi (Kep) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Memulakan karier sebagai penjawat awam negeri Johor, beliau berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Pejabat Tanah Batu Pahat pada tahun 1988. Beliau kemudiannya memulakan tugas sebagai Pegawai Tadbir Negeri Johor dan dilantik sebagai Penolong Setiausaha di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Cawangan Pentadbiran) bermula tahun 2004 sehingga tahun 2007. Bermula pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha di Majlis Daerah Yong Peng sehingga tahun 2008 dan berkhidmat pula sebagai Setiausaha di Majlis Daerah Tangkak dari tahun 2008 sehingga tahun 2010. Setahun kemudian, beliau telah dilantik sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Ledang sehingga tahun 2011.



Meneruskan karier sebagai Pegawai Tadbir Negeri Johor, beliau telah dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Tanah di Pejabat Tanah Daerah Kecil Labis bermula tahun 2011 sehingga tahun 2013. Pada tahun 2013 sehingga tahun 2014, beliau telah menjawat jawatan Yang Dipertua di Majlis Daerah Kota Tinggi dan kemudiannya telah dilantik sebagai Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Kulai bermula tahun 2014 sehingga tahun 2016. Kemudian daripada itu, beliau telah dilantik sebagai Yang Dipertua di Majlis Perbandaran Pasir Gudang bermula tahun 2016 sehingga tahun 2018. Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha





Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bermulatahun 2018 sehingga kini.

Kerana minat yang mendalam dalam bidang penulisan, beliau telah berjaya menghasilkan penulisan buku yang bertajuk Keunikan Pertandingan Wau Tradisi Kebanggaan Malaysia yang bertujuan untuk membantu memartabatkan seni wau supaya seni tersebut tidak hilang ditelan zaman yang serba canggih sekarang ini. Buku ini telah diterbitkan buat kali pertama pada bulan Februari 2018. Pada tahun yang sama, beliau telah berjaya menghasilkan penulisan sebuah lagi buku mengenai Eksplorasi Sarang Buaya Pasir Gudang yang diterbitkan pada bulan Julai 2018 bertujuan untuk memperkenalkan Sarang Buaya Pasir Gudang yang turut berfungsi sebagai santuari buaya tembaga, pusat pelancongan pendidikan dan eko-pelancongan. Melalui pembacaan berterusan beliau merasakan perlu berkongsi ilmu yang bermanfaat kepada orang ramai dan Penjawat Awam Negeri Johor khususnya melalui penulisan. Beliau akan meneruskan penulisan ilmiah sebagai medan perantara dengan pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu, terapi diri menerusi penulisan adalah sebagai kaedah untuk mencapai ketenangan. Beliau tidak akan berhenti menulis selagi tangan dapat digerakkan, fikiran masih berfikir dan ilmu belum dikongsikan.





BIOGRAFI EDITOR

Fauziah Ani dilahirkan pada 27 Februari 1973. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Pembangunan Komuniti di Universiti Universiti Putra Malaysia (UPM) dan mempunyai Ijazah dalam Sains Sosial dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).





Beliau diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan sebagai Ketua Jabatan Sains Sosial di Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bermula dari tahun 2016 sehingga November 2020. Kemudian, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah di Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM. Menurut beliau, terapi diri menerusi penulisan adalah salah satu kaedah untuk mencapai ketenangan. Beliau tidak akan berhenti menulis selagi tangan dapat digerakkan, fikiran masih berfikir dan ilmu belum dikongsikan.



PKPD

KG. DATO' IBRAHIM MAJID DAN
BANDAR BARU IBRAHIM MAJID
SIMPANG RENGAM :

Urus Tadbir, Cabaran dan Penambahbaikan




**Penerbit
UTHM**

ISBN 978-967-2817-47-5



9 789672 817475

Sila imbas kod untuk
maklumat lanjut

